

## SOALAN-SOALAN LISAN

### PERSIDANGAN KEENAM MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI JUMAAT, 17 DISEMBER 2021

---

#### 1. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI ( BEHRANG )

Konsesi Balak dan penerokaan tanah kerajaan.

1. Berapa luas kawasan hutan simpan yang telah dibenarkan untuk tujuan pembalakan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2019 hingga 2021.
2. Apakah status terkini kawasan-kawasan tersebut.
3. Apakah langkah-langkah strategik yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencemaran kawasan hutan untuk tadahan hujan dan kawasan sumber bekalan air Negeri Perak akibat daripada penerokaan kawasan-kawasan pembalakan

#### 2. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )

Isu kemiskinan haid amat membimbangkan sejak pandemik Covid-19 menlanda.

- a. Senaraikan jumlah wanita / keluarga yang berdepan dengan isu kemiskinan haid.
- b. Nyatakan tahap isu kemiskinan haid yang dihadapi orang ramai di Perak.
- c. Apakah rancangan dan tindakan pihak berkuasa Negeri Perak untuk mengatasi isu ini?

**3. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ ( SLIM )**

Apakah perancangan Kerajaan untuk pembangunan Smart City di Negeri Perak khususnya dalam Daerah Muallim dan Batang Padang?

**4. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/LATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Klinik Kesihatan Buntong.

- a) Sila nyatakan jumlah kakitangan yang ditempatkan di klinik kesihatan ini?
- b) Apakah Klinik ini menyediakan perkhidmatan kecemasan bagi kes COVID-19?
- c) Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menambahkan bilangan parking lot meletak kereta di kawasan Klinik tersebut?

**5. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR ( CHENDEROH )**

Tahniah kepada YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad MB Perak di bawah Program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) dengan kerjasama YTL Foundation telah memberi bantuan telefon pintar dan simkad percuma kepada 20,000 pelajar B40 bagi tujuan pembelajaran PdPr.

- a) Adakah Kerajaan Negeri Perak mempunyai perancangan dalam usaha menaik taraf perkhidmatan liputan jalur lebar dengan lebih meluas terutama di kawasan–kawasan luar bandar bagi melancarkan penggunaan telefon untuk PdPr ini dengan lebih berkesan?
- b) Apakah usaha-usaha setakat ini telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) bagi mengatasi masalah capaian internet yang lemah ini?

**6. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI (HUTAN MELINTANG)**

LATIHAN KEMAHIRAN KEMAJUAN KERJAYA

- a) Apakah latihan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri Perak?
- b) Apakah jenis latihan pengkhususan kepada golongan belia dan beliawanis?

**7. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)**

Kerajaan Negeri Perak fokus dalam menjadikan Perak Negeri Berpendapatan Berkualiti 2040 dengan melancarkan Draf Rancangan Tempatan bagi setiap Daerah supaya ia berteraskan kepada prinsip pembangunan mampan, berdaya-huni, berkualiti dan pembangunan masyarakat yang inklusif.

- a. Bagaimana draf tersebut dirangka bermula daripada awal sehingga akhirnya ia dipublikasikan kepada orang awam?
- b. Apakah kriteria-kriteria penting yang dipertimbangkan dalam menghasilkan draf tersebut?
- c. Berapakah peratusan pematuhan yang tercapai bagi setiap Rancangan Tempatan Daerah yang terdahulu?

**8. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

Kebanyakan petani di dun manong menyatakan masalah baja pertanian dan racun mengalami kenaikan harga yang mendadak menjadikan mereka terpaksa mengeluarkan modal besar bagi sektor pertanian.

- a) Bagaimana pihak jabatan pertanian negeri melihat isu ini dan bagaimana pihak jabatan pertanian membantu petani dalam isu ini.
- b) Adakah pihak pertanian ada cuba memohon kepada pihak yang selayaknya untuk mengawal harga barang tersebut bagi membantu para petani?

- c) Sekiranya isu ini terus berpanjangan, selain dari bantuan yang telah pihak jabatan pertanian sediakan sebelum ini, adakah bantuan lain yang dapat membantu mereka dalam menangani masalah ini?

**9. YB ENCIK MUHAMAD ARAFAT BIN VARISAI MAHAMAD  
( *HULU KINTA* )**

Mengenai pembinaan jalan dari Tanjung Rambutan ke Laluan Persekutuan 1 dengan kos RM 5.0 juta seperti dalam buku belanjawan bagi tahun 2020 untuk menjana pertumbuhan ekonomi seimbang

- 1) Bilakah projek pembinaan jalan tersebut bermula dan jangkaan siap projek tersebut?
- 2) Apakah faktor kelewatan projek ini?
- 3) Nyatakan maklumat syarikat yang menjalankan projek ini?

**10. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS ( *KENERING* )**

Mohon penjelasan Kerajaan mengenai projek naik taraf padang bola sepak dan futsal di Lawin yang terbengkalai sehingga kini

**11. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN  
( *CHANGKAT JONG* )**

WANG SIMPANAN / TABUNG

Berdasarkan Kajian daripada Kementerian Kewangan Malaysia berkaitan kesan PKP1.0 didapati satu pertiga (isi rumah dan perniagaan) tidak mampu untuk mengekalkan perbelanjaan lebih daripada sebulan dan 82% pekerja sektor swasta hanya mempunyai simpanan kurang daripada dua bulan. Manakala, data terbaharu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bulan Ogos 2021 menunjukkan bahawa 46% ahlinya yang berumur di bawah 55 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000. Seramai 2.37 juta

ahli mempunyai simpanan di bawah RM1,000 (19%). Kaum Melayu dan bumiputera adalah pencarum paling ramai mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000. Berdasarkan data daripada KWSP juga, Nisbah pencarum Melayu mewakili 74% daripada 5.9 juta pencarum yang baki simpanan kurang RM10,000.

Soalan saya;

- (a) Berdasarkan kepada situasi semasa dan Perak tentu sekali tidak terkecuali dalam masalah ini, apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Perak dalam usaha meningkatkan simpanan rakyat negeri Perak pasca COVID-19?

## **12. YB ENCIK NGA KOR MING ( AULONG )**

Masalah kehilangan modal insan Perak

Perak adalah negeri paling teruk yang mengalami masalah kehilangan bakat muda atau graduan universiti. Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan secara teliti:

- a. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menarik bakat muda atau graduan universiti bekerja di Negeri Perak?
- b. Apakah sebab utama kerajaan gagal mengekalkan bakat muda untuk terus menyumbang kepada pembangunan Negeri Perak?

## **13. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG ( MALIM NAWAR )**

Rumah Terbengkalai

Terdapatnya rumah terbengkalai di kawasan DUN saya, iaitu DUN Malim Nawar di mana tumbuhnya samak samun dan pokok-pokok yang mungkin tersembunyinya ular dan lain-lain binatang liar.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju bahawa cara yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sekarang, menurut undang-undang, iaitu menampalkan notis yang mengehendaki tuan punya rumah tersebut untuk membersihkan rumah mereka adalah tidak begitu berkesan (kerana mereka mengabaikan notis tersebut)?

- (b) Sekiranya jawapan kepada (a) adalah ya, bolehkah Kerajaan Negeri memberikan cadangan yang lebih baik untuk mengatasi masalah rumah terbengkalai tersebut?
- (c) Dalam apa keadaan pun, sila memaklumkan samada undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**14. YB ENCIK LOH SZE YEE ( JALONG )**

Pasukan Pertahanan Awam Kuala Kangsar cawangan Sungai Siput telah tiada markas sejak Bulan Ogos 2021. Ini menyebabkan banyak masalah seperti masa tindak balas pasukan apabila terdapat kecemasan, tiada tempat rehat dan berkumpul anggota serta lain lain masalah pentadbiran dan pengurusan. Bilakah masalah ini akan diselesaikan?

**15. YB ENCIK TAN KAR HING ( SIMPANG PULAI )**

Isu kenaikan harga racun sehingga 100% sejak Mei yang lalu. Apakah langkah kerajaan dalam mengawal harga racun yang semakin meningkat sekaligus membebankan petani/pekebun?

**16. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN ( SUNGAI RAPAT )**

Bagaimana kekerapan Pihak Berkuasa Tempatan memantau projek-projek perumahan baru yang sedang dibangunkan terutamanya dari segi sistem pengairan semasa pembinaan dilaksanakan sehinggakan telah menyebabkan kawasan perumahan sekitar pembinaan dinaiki air berlumpur dari kawasan pembinaan tersebut ketika hujan dan apakah tindakan yang telah diambil kepada pemaju-pemaju tersebut kerana tiada penambahbaikan berlaku setelah aduan dibuat oleh penduduk setempat?

## **17. YB ENCIK TEOH YEE CHERN ( ASTAKA )**

Daerah Manjung, khususnya Sitiawan telah dilanda banjir kilat pada tahun lepas dan tahun ini dan menyebabkan kesusahan kepada rakyat. Selepas beberapa kali melawat ke kawasan banjir, faktor utama yang menyebabkan berlakunya banjir kilat adalah kerana sistem saliran yang terlalu lama dan tidak dinaiktaraf.

- (a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah ini?
- (b) Adakah kerajaan negeri bersedia untuk menyediakan satu pelan induk perparitan dan saliran yang sempurna untuk kawasan Sitiawan supaya masalah ini boleh diselesaikan pada masa hadapan?

\*\*\*\*\*